

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN TEH ANJURAN PERWAKILAN MALAYSIA
Lokasi : BRUNEI DARUSALAM
Tarikh : 24-03-1990

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis; Yang Berbahagia Pengerusi PERWAKILAN Brunei; Ahli-Ahli PERWAKILAN; Puan-Puan dan tuan-tuan hadirin sekalian.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada ahli-ahli PERWAKILAN di atas sambutan serta segala persiapan yang disediakan sempena dengan lawatan rombongan BAKTI ke negara ini. Di dalam hubungan ini, saya percaya puan-puan telah meluangkan masa serta tenaga di dalam usaha untuk menjayakan lawatan kami serta mengaturkan program-program yang sesuai.

2. Saya bagi pihak BAKTI, merasa gembira kerana berpeluang bertemu serta mengenali dengan lebih dekat ahli-ahli PERWAKILAN di sini. Maklum sahajalah dalam kesibukan kita sehari-hari dan tambahan pula puan-puan sekalian sering berada di luar negeri, jadi agaklah sukar bagi kita untuk bermesra serta berkenalan dengan lebih dekat.

3. Selain daripada itu, kami juga berpeluang untuk mengetahui dengan lebih dekat peranan yang dimainkan oleh masyarakat Malaysia, khususnya anggota-anggota PERWAKILAN untuk mengharumkan negara kita di kalangan masyarakat antarabangsa. Saya percaya ramai antara ahli-ahli PERWAKILAN di sini mempunyai pengalaman yang luas tinggal di luar negeri. Oleh itu saya yakin puan-puan sekalian tidak menghadapi kerumitan yang besar untuk menyesuaikan dengan keadaan serta suasana yang baru.

4. Saya yakin puan-puan sentiasa sedia membantu ahli-ahli PERWAKILAN yang baru berada di luar negeri untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Selain daripada memberi bimbingan, puan-puan harus juga bersedia untuk membantu setakat yang boleh ahli-ahli yang menghadapi kerumitan.

5. Saya pasti puan-puan sedar akan tanggungjawab ketika mengikuti suami masing-masing ketika bertugas di luar negeri. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan puan-puan supaya, selain daripada menunjukkan tingkah-laku yang penuh dengan kesopanan dan bersikap sederhana, puan-puan haruslah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai aspek-aspek penting negara kita. Ini meliputi aspek-aspek kebudayaan, sejarah, ekonomi, politik, sosial dan lain-lain perkara yang mungkin mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.

6. Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia, saya berharap puan-puan dapat menambah aktiviti-aktiviti yang berkisarkan kepada usaha-usaha untuk lebih memperkenalkan Malaysia di kalangan orang-orang asing. Selain daripada masyarakat tempatan di negara ini, tumpuan juga harus diberikan kepada masyarakat antarabangsa yang bermastautin di sini. Saya percaya usaha-usaha seperti ini, akan sedikit sebanyak dapat menambahkan bilangan pelancong asing yang akan melawat ke negara kita.

7. Dalam konteks ini, saya memang sedar akan peranan penting yang dimainkan oleh ahli-ahli PERWAKILAN di luar negeri untuk menaikkan imej Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa. Tugas ini bukanlah mudah, akan tetapi saya percaya dengan berkat usaha dan semangat yang ditunjukkan oleh ahli-ahli, matlamat kita supaya masyarakat antarabangsa menghormati negara kita akan menjadi lebih mudah lagi.

Puan-puan dan tuan-tuan, 8. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ahli-ahli PERWAKILAN yang telah menyambut kedatangan kami di sini dan berdoa semoga puan-puan serta keluarga diberi perlindunganNya dan rahmat bahagia sentiasa.

Sekian, terima kasih.